

# UMS ke arah menghasilkan graduan holistik

NST 14.2.2019 13

Pelan Strategik Universiti Malaysia Sabah (UMS) 2018-2022 menggariskan sembilan Bidang Keberhasilan Utama atau Key Result Areas ringkasnya KRA, dimana pembangunan pelajar secara holistik turut menjadi salah satu bidang yang diberi fokus penting.

Bagi menghasilkan graduan yang berjaya secara holistik, usaha menumpukan kepada perkembangan kurikulum semata-mata tidak mungkin akan berkesan. Sehubungan itu, UMS turut mempelbagaikan usaha ke arah memperkasa daya saing dan kebolehasan pelajarinya kelak dengan mengambil langkah proaktif seperti membuka ruang siswa niaga kepada para pelajarinya bagi tujuan mengasah bakat di samping menimba pengalaman berniaga.

Dengan kata lain, pelajar tidak dihalang untuk membuat kerja sambil dalam kampus asal sahaja pengajian mereka tidak terabai. Ini termasuklah bekerja sebagai pembantu-pembantu niaga dalam premis-premis niaga yang terdapat dalam UMS.

Menurut Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) UMS, Prof. Dr. Ismail Ali, pendekatan yang dikenali sebagai "Learn and Earn" ini bukan sahaja membantu dari aspek meringankan beban kewangan bahkan juga memberi nilai tambah dari sudut kemahiran insaniah keusahawanan dan seumpamanya. Untuk rekod, pendekatan ini telah dilaksanakan sejak tahun 2017 lagi.

Sebuah Mini-Mart juga akan turut dibuka di bangunan Hal Ehwal Pelajar yang dikendalikan oleh alumni UMS. Sudah tentu

Mini-Mart itu kelak turut membuka peluang kepada pelajar untuk menjadi sebahagian daripada tenaga pekerja sambil atau mereka juga boleh menjalani latihan, industri sesuai dengan bidang mereka.

Dr Ismail memaklumkan bahawa penyediaan ruang asrama atau kolej kediaman yang mencukupi juga merupakan antara cabaran utama yang dihadapi oleh UMS. Menurut beliau kediaman dalam kampus buat masa ini hanya dapat menampung seramai 10,000 orang pelajar sahaja. Pelajar-pelajar lain ditempatkan di kolej kediaman luar UMS iaitu di Kolej Kediaman Kingfisher, Prince Tower I Borneo, Bangunan USIA I Borneo dan yang terbaru di Eco Park Bukit Sepanggar.

Bagi memastikan pentadbiran kolej-kolej kediaman pelajar diurus dengan cekap dan efisien, maka UMS telah menubuhkan Pusat Perumahan Pelajar pada awal Januari 2019. Penubuhan Pusat ini memberi indikasi betapa UMS sangat serius dalam menangani isu kediaman pelajar.

Terdapat juga para pelajar yang menyewa di luar. Walau bagaimana pun bilangan rumah atau bilik kediaman di sekitar UMS yang sesuai untuk disewa masih terlalu sedikit bilangannya. Bagi mengatasi cabaran ini, maka UMS sedang merencana merealisasikan pembinaan sebuah lagi hostel tambahan di dalam kampus.

UMS menerusi Jabatan Hal Ehwal Pelajar juga giat memastikan bahawa setiap kolej kediaman dilengkapi dengan dewan, kafeteria, wifi berkelajuan tinggi dan seumpamanya. Ia dinyatakan oleh Dr Ismail ketika di-

tanya mengenai akses atas talian.

Isu kebolehasan graduan semakin menarik perhatian umum bilamana dilaporkan bahawa rata-rata univesiti awam di negara ini menghadapi cabaran untuk mencapai sasaran bilangan graduan yang telah bekerja. Dalam hal ini, salah-satu daripada pendekatan yang diambil oleh UMS adalah dengan menubuhkan Pusat Kerjaya UMS pada bulan Ogos 2018, dan baru-baru ini UMS telah menggabungkan Pusat Kerjaya UMS dan Jabatan Alumni yang kini dikenali sebagai Pusat Kerjaya dan Alumni. Pusat ini telah merancang pelbagai usaha bagi meningkatkan bilangan kebolehasan graduan.

Antara usaha yang bakal dijalankan ialah dengan mengadakan Ekspo Kerjaya, program berterusan bersama industri dan usaha menyemarak minat keusahawanan bersama alumni UMS. Prof Dr Ismail juga memaklumkan bahawa untuk menghidupkan budaya keusahawanan dalam kalangan pelajar, maka UMS menerusi HEPA telah memperuntukkan sejumlah RM5,000 sebagai geran keusahawanan khas untuk para pelajar di semua fakulti melaksana projek-projek keusahawanan yang relevan.

Yang terbaru Pihak Berkuasa Pengurusan Universiti telah meluluskan penubuhan Majlis Keusahawanan dan Kebolehasan Graduan yang akan menjadi penasihat kepada Pusat Kerjaya dan Alumni UMS dalam hal-hal yang boleh meningkatkan kebolehasan graduan.

Majlis ini akan menumpu kepada enam kluster utama iaitu;

pertanian, keusahawanan, minyak dan gas, perikanan, hospitaliti dan pelancongan. Beberapa orang tokoh industri tempatan dari negeri Sabah telah dikenalpasti untuk menganggotai Majlis ini. Turut menganggotai Majlis ini kelak ialah wakil dari Majlis Perwakilan Pelajar UMS itu sendiri.

Pindaan terhadap Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) 1971 yang membenarkan mahasiswa aktif berpolitik telah diluluskan dan bakal memberi suatu senario kampus yang sangat berbeza dari sebelum ini. Pindaan itu memansuhkan Seksyen 15(2)(c) AUKU yang menghalang mahasiswa terbabit dalam kegiatan politik di kampus. Dengan kata lain, para pelajar akan bebas memaparkan pendirian atau sokongan mereka kepada mana-mana parti. Manakala, persatuan-persatuan pelajar berteraskan politik pula akan dibenarkan untuk mengundang pemimpin-pemimpin politik samada kerajaan mahu pun pembangkang ke dalam kampus.

Wujud persepsi bahawa hal ini akan menyebabkan pelajar lalai dalam pengajian mereka. Menyentuh mengenai kemungkinan ini, Dr. Ismail percaya bahawa kebebasan yang dimaksudkan dengan termansuhnya Seksyen 15(2)(c) itu kelak ialah pelajar mempraktikkan kebebasan itu secara berhemah dimana apa jua parti politik yang akan dijemput kelak, pendekatan pihak universiti ialah pihak-pihak berkenaan melakukannya dengan penganjuran aktiviti-aktiviti yang menghormati keharmonian. Di samping itu, pelajar terbabit perlu memelihara adab dan sopan, mematuhi undang-undang

dan sentiasa mengamalkan politik yang matang.

Usaha merealisasikan Kesatuan Pelajar dan pewujudan Speaker's Corner antara lain merupakan pendekatan Kementerian dalam memastikan siswa-siswi benar-benar menikmati kebebasan bersuara dalam kampus. Apa yang penting ialah para pelajar tidak hilang fokus kepada pengajian. Pada masa yang sama, kebebasan bersuara itu perlu dilihat dari sudut pandang kebebasan memberi pandangan di samping ianya menjadi medan untuk mengasah bakat kepimpinan. Pelajar perlu menggunakan kebebasan tersebut untuk tujuan semakan dan seimbangan mana-mana perkara yang berlaku atau tindakan yang diambil yang dirasakan tidak wajar.

HEPA juga turut menyemarakkan tiga nilai utama yang ditekankan oleh Menteri Pendidikan Malaysia, Dr Maszlee Malik, iaitu kasih sayang, kegem-

biraan dan sikap hormat-menghormati antara satu sama lain. Pendekatan yang diambil oleh Dr. Ismail adalah memastikan tiga nilai ini diterapkan dalam setiap aktiviti dan program yang dijalankan oleh pelajar. Untuk membudayakan tiga nilai ini, maka pihak HEPA telah berusaha meletakkan papan tanda mengenai tiga nilai ini di kawasan-kawasan strategik dalam kampus.

Ke arah menjadikan mahasiswa dan mahasiswi UMS sebagai graduan yang berdaya tahan dan berdaya saing, mampu berkomunikasi dan berinteraksi dengan efektif, mempunyai sahsiah dan budi pekerti yang baik, maka HEPA terus mengekalkan 70 peratus aktiviti pelajar bersama dengan masyarakat.

Dr Ismail berkata ia adalah KPI HEPA yang bagi memastikan misi mentransformasi pelajar menjadi graduan holistik tercapai.